

30/05/2002

Meritokrasi: Kerajaan kaji kes tertentu

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan akan mengkaji kes tertentu yang timbul berikutan pelaksanaan sistem merit bagi kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menegaskan kerajaan tetap dengan pelaksanaan sistem merit sekurang-kurangnya untuk tahun ini, Perdana Menteri berkata ada kes tertentu yang memerlukan pertimbangan khusus.

"Kita akan mengkaji perkara ini," katanya selepas merasmikan Kongres FIABCI Sedunia 2002 di sini hari ini.

Beliau ditanya sama ada Kabinet membuat sebarang keputusan mengenai isu itu yang mendapat reaksi pelbagai pihak sejak kebelakangan ini.

Semalam, kira-kira 500 pelajar India yang gagal memasuki IPTA menghantar memorandum membantah pelaksanaan sistem merit kepada Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu.

Mereka mendakwa kemasukan ke IPTA yang diumumkan baru-baru ini mengecewakan masyarakat India kerana hanya 4.7 peratus pelajar India dapat memasuki IPTA berbanding lapan peratus beberapa tahun lalu.

Mengulas tindakan itu, Dr Mahathir berkata, memang kumpulan terbabit menyatakan ada yang layak masuk IPTA tetapi tidak diterima.

"Tetapi semua kaum mempunyai orang yang layak, yang mempunyai kelayakan minimum untuk masuk dalam universiti. Tetapi kerana tempat terhad, mereka tidak dapat masuk ke universiti. Yang ini bukan saja dihadapi kaum India, malah kaum lain juga," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sudah bersetuju melaksanakan sistem merit itu dan memutuskan untuk melakukan sesuatu.

"Apabila hasilnya tidak seperti jangkaan kita, kita tidak sewajarnya selepas itu berkata 'Saya tidak suka dengan apa yang sedang dilakukan'," katanya.

Dr Mahathir berkata, apabila kerajaan memutuskan untuk mengubah sistem berasaskan kuota kepada yang berasaskan merit, bilangan pelajar Bumiputera yang akan diterima masuk ke universiti awam dijangka akan berkurangan dengan banyaknya.

Bagaimanapun katanya, apa yang berlaku adalah sebaliknya, iaitu lebih banyak pelajar Bumiputera mendapat tempat manakala tempat pelajar bukan Bumiputera pula semakin kurang.

"Memanglah sekarang mereka kata itu tidak adil. Mereka sepatutnya membantah sebelum ini, tetapi tidak ada pihak yang membantah ketika itu," katanya.

(END)